

MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PEMAJU PERUMAHAN MALAYSIA
HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR

2 DISEMBER 1982

Yang Berhormat Senator Kee Yong Wee, Yang Di Pertua Persatuan
Pemaju Perumahan Malaysia;
Dif-Dif kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia kerana telah sudi menjemput saya ke majlis pada malam ini. Sebagaimana biasa, hidangan makanan yang disediakan perlu pula "dibayar" dengan ucapan. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk melahirkan beberapa pendapat dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian di majlis pada malam ini.

2. Di Malaysia terdapat banyak persatuan dan kesatuan yang mengumpul orang-orang yang mempunyai "common interest" dengan tujuan memelihara kepentingan bersama. Keadaan ini memanglah satu keadaan yang sihat yang dialu-alukan oleh Kerajaan dan negara. Tetapi semata-mata memelihara kepentingan sendiri tentulah merupakan satu objective yang "limited" dan "selfish". Tiap-tiap satu kumpulan adalah sebahagian daripada masyarakat biasa dan perlu mengambilkira kepentingan masyarakat juga.

3. Sebagai seorang doktor saya juga menjadi ahli persatuan perubatan. Persatuan perubatan di Malaysia mewarisi segala

4. Kita tahu bahawa di zaman sebelum ideologi kebendaan dapati persatuan-persatuan perubatan British lebih mengutamakan quality khidmat mereka kepada masyarakat daripada lain-lain motif yang "selfish". Di antara prinsip yang dijunjung oleh persatuan-persatuan dahulu ialah "the Hippocratic Oath". Para doktor tidak akan mendedah masalah pesakit-pesakit yang dirawat oleh mereka. Juga para doktor tidak akan mengiklankan kepakaran mereka. Banyak lagi "restriction" yang persatuan perubatan dengan sukarela mengenakan kepada ahli-ahli mereka demi kepentingan masyarakat dan kehormatan profesion kedokteran. Demikianlah kesan "self-imposed restriction" ini sehingga siapa juga yang menjadi doktor secara otomatis mendapat kepercayaan dari orang ramai.

5. Sebaliknya jika dibanding dengan lain-lain sistem perubatan dari Timur, kepercayaan dan kehormatan tidak diberi semata-mata kerana seseorang itu memasuki bidang perubatan. Di Malaysia bomoh, dukun dan sinseh tidak dihormati sehingga kebolehan dan sikap tiap-tiap seorang dari mereka dikenali oleh orang awam beberapa lama. Walaupun ada di antara mereka yang dihormati tetapi profesion mereka sendiri tidak mendapat penghormatan. Namun demikian ini tidak meletak mereka setaraf dengan doktor yang dilatih secara Barat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

6. Satu lagi perkara yang persatuan profesion di Barat menitikberatkan ialah penerbitan atau "publication research and findings" berkenaan dengan ilmu atau ciptaan baru. Persatuan-persatuan profesional sering mengadakan perjumpaan dan menerbitkan majalah yang menjelaskan ilmu-ilmu baru yang diterokai oleh ahli-ahli. Biasanya di Timur jika seseorang mendapat ilmu baru ia akan menyembunyikan untuk kegunaan dirinya sahaja. Kepentingan profesion tidak diambilkira, jauh sekali kepentingan masyarakat. Yang diutamakan ialah keuntungan yang boleh diperolehi oleh dirinya dari teknik atau ilmu atau ciptaan yang dibuat olehnya. Kerap kali kematiannya akan melenyapkan ilmu. Jika pun ilmu itu disebar ini terhad kepada keluarga, ataupun ilmu itu dijual.

7. Amalan ini berbeza sekali dari amalan Barat di mana segala yang dicipta atau diselidik diberitahu kepada

8. Dengan cara ini maka pengetahuan masyarakat manusia bertambah sepanjang masa. Kita di Malaysia juga telah mewarisi dan mendapat nikmat dari aktiviti persatuan-persatuan profesional dan "learned societies" kerana fikiran terbuka mereka.

9. Memandang kepada kebaikan yang didapati dari dasar dan prinsip persatuan-persatuan profesional di Barat, saya berharap sikap dan pendirian persatuan-persatuan di Malaysia juga diasaskan dengan amalan yang sama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Ahli-ahli Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia sudah tentu bersetuju mengadakan persatuan ini untuk memelihara kepentingan bersama. Ini tidak menjadi masalah dan memang wajar. Tetapi Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia patutlah memikir dan memberi tempat kepada etika profesion dan kepentingan masyarakat.

11. Tiap-tiap profesion memerlukan "Code of Ethics" yang digubal oleh profesion itu sendiri. "Code of Ethics" ini ialah untuk menjaga imej dan kehormatan profesion. Untuk menentukan bahawa "Code of Ethics" ini berkesan, sesuatu profesion mestilah berupaya mendisiplinkan ahli-ahli. Dalam pada itu badan yang dipilih untuk menguatkuasakan code ini mestilah jujur dan ikhlas dan tidak bertindak kerana kepentingan pihak-pihak tertentu.

12. Selain daripada "Code of Ethics" persatuan profesion hendak juga menitikberatkan khidmat kepada masyarakat. Persatuan profesion bukan Kesatuan Sekerja. Ancaman untuk menyusahkan masyarakat kerana layanan yang tidak memuaskan berkenaan dengan apa-apa tuntutan dan lain-lain tidak patut disokong atau diusahakan oleh persatuan profesional. Sebaliknya Persatuan hendaklah sanggup mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana ahli yang mencemar nama baik profesion dengan tindakan yang tidak bertanggungjawab terhadap masyarakat.

13. Perkara yang ketiga yang perlu diusahakan oleh persatuan profesion ialah mempertingkatkan pengetahuan profesion melalui penerbitan, seminar, kursus pengurusan binaan dan lain-lain. Segala kaji-selidik atau discovery oleh ahli-ahli hendaklah disiarkan dalam majalah-majalah profesional dan dibincang dalam seminar dan lain-lain perjumpaan.

14. Dengan cara ini saya yakin mutu profesion di Malaysia bukan sahaja akan meningkat tetapi profesion berkenaan akan dihormati.

15. Saya berbangga kerana Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia, sudah menunjuk minat untuk bersikap lebih bertanggungjawab kepada masyarakat. Malaysia memerlukan banyak rumah kediaman, terutama untuk mereka yang berpendapatan rendah. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memudahkan pemilikan rumah oleh rakyat. Tetapi matlamat Kerajaan dan rakyat belum lagi dicapai sepenuhnya.

16. Memang benar banyak masalah pentadbiran yang mengganggu pembinaan rumah-rumah oleh pemaju-pemaju perumahan. Pihak Kerajaan sedia berunding dan membetulkan mana yang salah. Tetapi pihak Persatuan Pemaju Perumahan pula mestilah cuba mengatasi setengah masalah ini dengan sendiri.

17. Kerajaan menganggap pihak swasta sebagai "partners in development." Oleh itu segala halangan bukanlah menjadi dasar Kerajaan. Saya berharap satu "working relations" yang baik akan wujud antara Kerajaan dengan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia.

18. Perusahaan perumahan memang menjadi satu perusahaan yang boleh menguntungkan pengusaha. Sebagai seorang yang biasa menjadi pemaju perumahan, saya tahu sedikit mengenai perkara ini. Tetapi janganlah terlalu menumpukan kepada keuntungan yang besar sehingga kepentingan rakyat dan negara diketepikan.

19. Saya berharap Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia akan sedia mendisiplinkan ahli-ahlinya jika terdapat sikap yang tidak diingini di kalangan mereka. Tanpa ketegasan persatuan tidak akan menjadi badan yang berguna kepada ahli dan sudah tentu tidak akan dihormati oleh masyarakat.

20. Sekianlah sahaja dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia kerana menjemput saya ke majlis malam ini.

Terima kasih.